

08 SEP 1999

Indonesia-Apec

HABIBIE JUGA BATALKAN HADIRI SIDANG APEC

JAKARTA, 8 Sept (Bernama) -- Presiden B.J. Habibie terpaksa membatalkan jadual untuk menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di New Zealand yang bermula Sabtu ini memandangkan masalah dalam negeri ekoran pertelingkahan berdarah antara puak di Timor Timur.

Menteri Kehakiman, Muladi ketika mengumumkan demikian hari ini berkata Habibie terpaksa memberi tumpuan terhadap usaha mencari penyelesaian kepada masalah Timor Timur.

Habibie akan diwakili oleh Menteri Penyelaras Ekonomi, Kewangan dan Industri, Ginanjar Kartasasmita.

Selain Habibie, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed juga tidak akan menghadiri sidang itu. Beliau diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Muladi berkata presiden juga terpaksa memberi tumpuan bagi persiapan sidang Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) yang dijadualkan November ini.

Pada sidang itu, Habibie akan melaporkan keputusan pengundian yang diawasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur pada 30 Ogos lepas. Kira-kira 70 peratus rakyat wilayah bekas jajahan Portugal itu memilih untuk merdeka pada pungutan suara itu.

Pertumpahan berdarah meletus antara puak yang pro-kemerdekaan dengan kelompok yang terus berintegrasi dengan Indonesia menyebabkan tentera mengisytiharkan perintah darurat di wilayah itu sejak semalam.

Sidang MPR itu akan memutuskan berdasarkan hasil pengundian berkenaan untuk menyerahkan kemerdekaan Timor Timur yang ditadbirkan oleh Indonesia sebagai wilayah ke-27 sejak 1976.

Indonesia memasuki Timor Timur pada 1975 apabila Portugal meninggalkan wilayah itu secara tergesa-gesa setelah menjajahnya kira-kira 400 tahun.

Sementara itu, satu delegasi 10 orang anggota Majlis Keselamatan PBB tiba di sini dari New York hari ini untuk mengadakan pertemuan dengan Habibie dan anggota kabinetnya untuk membincangkan soal Timor Timur.

Lima daripada mereka merupakan anggota tetap majlis itu termasuk Malaysia yang diwakili Datuk Hasmi Agam manakala lima yang lain anggota bersekutu.

Delegasi yang diketuai Martin Anjabu dari Namibia hari ini mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas di pejabatnya di sini.

Esok, mereka dijadual mengadakan pertemuan dengan Habibie dan Menteri Pertahanan dan Keselamatan, Wiranto, yang juga Panglima Tentera Nasional Indonesia.

Menurut sumber di sini, antara yang dibincangkan ialah meminta Habibie mempercepatkan sidang MPR itu sebagai satu usaha ke arah penyelesaian masalah Timor Timur.

-- BERNAMA

AH/OPP NMO